

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Kes demam denggi meningkat

**1,420 kes
dilaporkan
tertinggi sejak
2021, tiada
kematian dicatat**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan di negara ini pada Minggu Epidemiologi (ME) 20/2022 iaitu 15 hingga 21 Mei ini meningkat 32.2 peratus iaitu sebanyak 1,420 kes berbanding 1,074 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia sekali gus menjadikan jumlah kes tertinggi pernah dilaporkan sejak 2021, namun tiada kes kematian dilaporkan akibat komplikasi de-



Anggota Pasukan Kawalan Vektor, Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut menjalankan semburan kabus di kawasan berisiko tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekitar Georgetown, baru-baru ini. (Foto BERNAMA)

mam denggi.

"Kes kumulatif bagi demam denggi yang dilaporkan sehingga kini sebanyak 16,145 berbanding 10,597 kes bagi tempoh sama pada 2021 iaitu peningkatan sebanyak

5,548 kes atau 52.4 peratus.

"Selain itu, sejumlah sembilan kes kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding lima kes bagi tempoh sama pada tahun 2021," katanya dalam ke-

nyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, berikutan itu, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah mengesan sebanyak 41 lokaliti titik panas pada ME 20/2022 berbanding

minggu sebelumnya.

Daripada jumlah titik panas berkenaan, sebanyak 36 lokaliti di Selangor, tiga lokaliti membabitkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, manakala masing-masing satu kes di Melaka dan Sabah.

"Dalam keadaan penularan jangkitan demam denggi yang tinggi ketika ini, setiap lapisan masyarakat perlu bertindak proaktif memastikan persekitaran premis kediaman, tempat kerja dan sebagainya bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes.

"Jawatankuasa Penduduk, Badan Pengurusan Bersama (JMB), Rukun Tetangga atau pihak berwajib diminta menggerakkan komuniti untuk segera melakukan aktiviti cari dan musnah pembiakan nyamuk Aedes.

"Selain itu, gunakan kaedah pencegahan seperti 'repellent' dan semburan aerosol di tempat tersembunyi dalam premis untuk membunuh nyamuk dewasa," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Penularan Penyakit tangan, kaki dan mulut

65,535 kes dilaporkan

Selangor rekod jumlah tertinggi sehingga Sabtu lalu

Oleh Suzalina Halid
dan Saadiah Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 65,535 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) pada tahun ini sehingga Sabtu lalu iaitu bagi minggu epidemiologi (ME) ke 21 dengan Selangor merekodkan jumlah tertinggi membabitkan 18,525 kes atau 28.27 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah kes itu merekodkan peningkatan 27 kali ganda berbanding 2,333 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Bellau berkata, daripada keseluruhan jumlah itu, sebanyak 59,831 kes HFMD atau 91 peratus

dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak berusia enam tahun ke bawah, manakala 4,593 kes atau tujuh peratus membabitkan kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun.

"Kes kedua tertinggi dilaporkan di Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu 8,088 kes atau 12.34 peratus; Perak 5,810 kes (8.87 peratus), Kelantan 4,905 kes (7.48 peratus) dan Sabah 4,077 kes (6.22 peratus).

"*Survelan enterovirus* pula mendapati tiga virus utama menyebabkan penularan penyakit HFMD dalam komuniti pada 2022 ialah Coxsackie A16 (CA16), Coxsackie A6 (CA6) dan Enterovirus 71 (EV71)," katanya dalam kenyataan, di sini.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, sepanjang tahun ini, tiga kes HFMD dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) iaitu dua kes disebabkan komplikasi radang otak (encephalitis) dan disahkan dijangkiti EV71.

Bellau berkata, kes ketiga dimasukkan ke ICU kerana pembedahan selepas pembedahan perut, namun sudah dipindahkan ke wad pembedahan biasa pada Jumaat lalu untuk pemantauan lanjut.

"Sebanyak 1,174 taska, tadika, tabika atau prasekolah ditutup mengikut Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988.

"Sebanyak 715 premis atau 61 peratus sudah dibuka semula selepas pemeriksaan dilakukan Pejabat Kesihatan Daerah," katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata hasil keputusan ujian makmal terhadap tiga kes disyaki cacar monyet menunjukkan tidak mengaitkan ia dengan virus itu.

"Hasil keputusan menunjukkan dua daripadanya ialah cacar air, manakala satu lagi HFMD," katanya dalam ciapan di Twitternya, semalam.



Dr Noor Hisham Abdullah



Mulai hari ini ibu bapa mahu mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 bagi anak, perlu ke klinik swasta dengan bayaran tertentu.

PICKids tamat, 33 peratus lengkap terima dua dos

Putrajaya: Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) yang dilancarkan pada 3 Februari lalu bagi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun tamat semalam dengan 33 peratus daripada mereka lengkap menerima dua dos, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Bellau berkata, mulai hari ini hingga 31 Januari 2023, vaksin COVID-19 bagi kanak-kanak berusia lima tahun pada atau selepas 31 Mei 2022 hanya ditawarkan melalui klinik kesihatan (KK) dan klinik swasta yang masih beroperasi sebagai pusat pemberian vaksin (PPV).

"Ibu bapa yang mahu memberi vaksinasi kepada anak

yang mencapai usia lima tahun dinasihatkan mendaftar dan membuat tempahan janji temu melalui aplikasi MySejahtera atau janji temu secara terus di KK," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, beliau dilaporkan berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) tidak berhasrat melanjutkan PICKids kerana sudah memberi masa yang cukup kepada ibu bapa membawa anak mendapatkan vaksinasi secara percuma.

Katanya, selepas ini, jika ibu bapa mahu mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 bagi anak, mereka perlu ke klinik swasta dengan bayaran tertentu.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Seramai 1,171,888 atau 33 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini lengkap divaksin di bawah Program Imunisasi Kanak-Kanak Covid-19 Kebangsaan (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman sesawang CO-

33 peratus populasi kanak-kanak lengkap divaksin

VIDNOW, sejumlah 1,720,411 atau 48.4 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Bagi remaja berumur 12 hingga 17 tahun, sebanyak 2,913,596 atau 93.6 peratus telah lengkap divaksin ma-

nakala 3,010,184 atau 96.7 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam pada itu, sejumlah 16,096,363 atau 68.4 peratus orang dewasa di negara ini telah menerima suntikan

dos penggalak, 22,974,497 atau 97.6 peratus lengkap dua dos suntikan vaksin dan 23,251,151 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 10,803 dos harian diberikan kelmarin

meliputi 5,322 dos pertama, 3,491 dos kedua dan 1,990 dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) adalah 70,923,930.

Sementara itu, Portal Github Kementerian Kesihatan melaporkan empat kematian akibat Covid-19 kelmarin dengan dua kes di Kedah dan masing-masing satu kes di Melaka dan Negeri Sembilan. - Bernama

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Tiga pesakit kini terima rawatan di wad ICU, turut alami komplikasi radang otak

Kes HFMD meningkat 27 kali ganda

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA — Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan bahawa sehingga kini, terdapat tiga kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dimasukkan ke wad unit rawatan rapi (ICU).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes pertama dan kedua dimasukkan ke ICU kerana mengalami komplikasi radang otak (encephalitis) dan disahkan dijangkiti EV71.

"Bagi kes pertama dan kedua ini masih di bawah pemantauan rapi di ICU. Manakala kes ketiga dimasukkan ke ICU kerana pemantauan selepas pembedahan perut.

"Kes ketiga ini telah pun dipindahkan ke wad pembedahan biasa pada 27 Mei untuk pemantauan lanjut. Survelan enterovirus mendapati tiga virus utama menyebabkan penularan penyakit HFMD dalam komuniti pada tahun ini iaitu Cocksackie A16 (CA16), Cocksackie A6 (CA6) dan Enterovirus 71 (EV71)," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, bagi tahun ini sehingga hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 21/2022 (28 Mei), sejumlah 65,535 kes HFMD telah dilaporkan iaitu peningkatan 27 kali



PENGARAH Urusan Tadika Comelku, Nasim Abdul Rahman (kanan) memberi cecair pembasmi kuman kepada seorang murid di Tadika Comelku Setapak, Kuala Lumpur baru-baru ini.

ganda berbanding tempoh sama tahun lalu (semasa pandemik Covid-19) iaitu 2,333 kes.

"Jika dibandingkan dengan

tempoh sama pada tahun 2019 (sebelum pandemik Covid-19) dengan kes sebanyak 29,846 kes, ia menunjukkan peningkatan 1.2

kali ganda.

"Manakala kes HFMD yang dilaporkan bagi ME 21/2022 adalah 18,602 kes berbanding 15,548

kes pada ME 20/2022 iaitu peningkatan sebanyak 19.6 peratus," ujarnya.

Beliau berkata, sehingga 29 Mei, Selangor menyumbang jumlah kes HFMD tertinggi berbanding negeri lain iaitu 18,525 kes (28.27 peratus), diikuti Kuala Lumpur dan Putrajaya 8,088 kes (12.34 peratus), Perak 5,810 kes (8.87 peratus), Kelantan 4,905 kes (7.48 peratus) dan Sabah 4,077 kes (6.22 peratus).

Katanya, sebanyak 59,831 kes HFMD (91 peratus) dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah dan 4,593 kes (tujuh peratus) adalah kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun.

Sementara itu, ujarnya, terdapat 1,505 wabak dilaporkan di Malaysia dengan tiga negeri mencatatkan kejadian wabak tertinggi iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya 502 wabak (33.4 peratus), diikuti Selangor 172 wabak (11.4 peratus) dan Perak 168 wabak (11.2 peratus).

Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tadika dan prasekolah iaitu 913 wabak (61 peratus) diikuti di rumah persendirian dengan 526 wabak (35 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 51 wabak (tiga peratus).

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Perkhidmatan PICKids percuma berakhir semalam

Perlu bayar RM400 untuk 2 dos vaksin?

Oleh HARRITH HISHAM

PETALING JAYA – Harga yang mungkin dikenakan bagi pengambilan vaksin untuk golongan kanak-kanak berusia 5 hingga 12 tahun boleh mencecah antara RM300 hingga RM400 untuk dua dos suntikan selepas Program Imunisasi Covid-19 Kanak-Kanak (PICKids) berakhir semalam.

Menurut satu sumber, harga yang dikenakan bagi pengambilan vaksin tersebut adalah meliputi kos suntikan, konsultasi dan juga kos perkhidmatan.

“Walaupun harga bagi suntikan vaksin itu sudah ditetapkan mengikut kadar siling sebelum ini (ketetapan dibuat kerajaan), namun ia meliputi kos keseluruhan yang disediakan.

“Ini termasuk kos suntikan vaksin, konsultasi dan juga kos perkhidmatan bergantung kepada fasiliti berkenaan,” ujarnya.

Pada Januari lalu, dalam satu kenyataan bersama yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kerajaan menetapkan harga borong dan runcit maksimum bagi dua produk vaksin Covid-19 iaitu jenama CoronaVac keluaran Sinovac dan Covilo keluaran Sinopharm.

Namun, harga runcit maksimum yang ditetapkan tidak termasuk caj perkhidmatan dan caj



KANAK-KANAK bawah 12 tahun yang belum menerima vaksin berisiko mengalami komplikasi serius jika dijangkiti Covid-19. – GAMBAR HIASAN

barangan pakai buang yang digunakan ketika suntikan vaksin.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr. Malina Osman berkata, meskipun trend jangkitan semakin rendah, namun kanak-kanak yang belum divaksin masih berisiko.

“Apa yang kita risaukan kanak-kanak yang belum divaksin, berpotensi mendapat jangkitan. Sikap ibu bapa sesuatu yang kita tak boleh kawal, namun kita berharap mereka juga mempunyai tanggungjawab terhadap anak-anak yang belum divaksin.

“Meskipun sangat rendah un-

tuk berlaku gelombang baharu, namun yang dijangkiti pasti terdedah kepada komplikasi serius,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Mengulas mengenai imuniti kelompok dalam kalangan kanak-kanak, beliau berkata, perkara itu tidak memberikan kesan yang besar.

“Kita berharap mereka turut terlindung dengan liputan vaksin yang tinggi dalam kalangan dewasa,” ujarnya.

Setakat 10 Mei lalu, seramai 961,597 atau 27.1 peratus kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun di negara ini telah lengkap menerima vaksin di bawah PICKids.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NEGARA

Mesin air nano penuh najis cicak

MUAR – Lima pengendali perniagaan air nano automatik di daerah ini dikenakan kompaun masing-masing RM2,000 kerana beroperasi tanpa lesen serta tahap kebersihan tidak memuaskan.

Kompaun dikeluarkan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Muar susulan Operasi Lak/Sita Mesin Jual Air (MJA) yang dijalankan kelmarin.

Pegawai Epidemiologi PKD Muar, Dr. Mohd. Ridzuan Mohd. Lutpi berkata, pengendali mesin air nano itu melibatkan premis yang terletak di Jalan Salleh, Jalan Temenggong Ahmad dan Sungai Abong serta Parit Perupok di sini.

“Mesin itu beroperasi tanpa lesen dan tahap kebersihan tidak memuaskan kerana dipenuhi najis cicak selain dihurung serangga,” katanya ketika ditemui.

Dr. Mohd. Ridzuan berkata, pemilik juga diarahkan menutup operasi sehingga memperoleh lesen yang sah daripada PKD.

Terdahulu, dalam operasi berkaitan di premis makanan, PKD Muar mengeluarkan empat



MOHD. RIDZUAN (kanan) menampal pelekat menyita MJA ketika operasi di sekitar Muar kelmarin.

Notis 32B di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dengan pelbagai kesalahan.

Antaranya, nama sebutan sebenar makanan tidak dinyatakan, tidak menyatakan nama dan alamat perniagaan pengimport di Malaysia selain menjual

makanan yang telah luput tarikh dengan amaun keseluruhan bernilai RM13,500.

“Selain itu, 37 Notis 32B juga dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dengan amaun kompaun keseluruhan RM6,000,” katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : K2



Rencana
Utama

Oleh
FARID AHMAD
TARMIJI

SEBORANG ibu, Nur Amirah Ahmad berasa runsing apabila anaknya yang bersekolah tadika tiba-tiba diserang demam.

Setelah demam surut, Nur Amirah, 33, menyedari muncul pula biji-biji seakan gelembung air pada bahagian tangan dan kaki anaknya yang berumur enam tahun itu. Wanita itu turut mendapati ada ulser pada bahagian dalam mulut anaknya.

Nur Amirah kemudian pergi ke klinik untuk mendapatkan rawatan dan anaknya itu disahkan dijangkiti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

"Doktor yang merawat menyatakan bahawa jangkitan ini tidak berbahaya tetapi anak saya boleh menjangkiti kanak-kanak lain.

"Oleh sebab itu, kami sekeluarga menjalani kuarantin selama lima hari. Sepanjang kuarantin saya hanya menyapu ubat pada biji-biji atau ruam melepuh itu dan mengambil ubat demam," katanya kepada K2.

Itu antara perkongsian salah seorang ibu yang anaknya dijangkiti HFMD baru-baru ini. HFMD menjadi wabak yang menjadi sebut-sebutan pada masa ini apabila mencatatkan kes yang tinggi.

Mengikut sumber dari Kementerian Kesihatan (KKM), dari bulan Januari 2022 sehingga Mei 2022, sebanyak 31,661 kes penyakit HFMD yang telah dilaporkan berbanding hanya 4,239 kes bagi keseluruhan tahun 2021 sekali gus menunjukkan peningkatan sebanyak 15 kali ganda dari tahun sebelumnya.

Realitinya, HFMD bukanlah penyakit baharu di negara ini bahkan pada 2018 lagi, Malaysia sudah mencatatkan peningkatan penyakit ini yang boleh menjangkiti bukan sahaja kanak-kanak, tetapi juga dewasa.

Felo Kardiologi dan Pakar Perubatan Dalam, Institut Jantung Negara, Dr. Iskandar Mirza Amran berkata, HFMD merupakan penyakit yang tidak berbahaya, namun mempunyai kadar keberjangkitan yang sangat tinggi.

Menurutnya, penyakit ini biasanya berlaku kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 10 tahun.


"Punca jangkitan adalah disebabkan oleh virus daripada kumpulan enterovirus yang tergolong di dalam keluarga picornavirus.

"Secara umumnya, terdapat sebanyak 67 serotypes terdiri daripada serotypes poliovirus, coxsackie, echovirus dan enterovirus. Daripada kumpulan enterovirus ini, majoriti jangkitan HFMD adalah disebabkan oleh coxsackie virus A16 dan enterovirus 71," terangnya.

Kata Iskandar Mirza, penyakit ini berkait rapat dengan aspek kebersihan, sekali gus menjawab persoalan mengapa penyakit ini lebih lazim dan mudah menjangkiti kanak-kanak.

"Orang dewasa tahu menjaga kebersihan dengan baik seperti basuh tangan sebelum makan dan selepas membuang air besar.

"Kanak-kanak senang dijangkiti



ANTARA gejala penyakit HFMD ialah timbul ruam pada bahagian mulut.

Kepekaan ibu bapa penting sekat penularan HFMD



RUAM melepuh kelihatan pada kaki seorang kanak-kanak yang dijangkiti penyakit HFMD.



DR. ISKANDAR MIRZA

kanak-kanak lain melalui cecair hidung iaitu hingus atau tekak, air liur, cecair dari ruam melepuh dan hembusan titisan pernafasan semasa batuk atau bersin.

Walaupun kanak-kanak berpenyakit HFMD mempunyai kadar keberjangkitan yang tinggi pada minggu pertama jangkitan berlaku, virus masih boleh berada di dalam badan kanak-kanak berminggu-minggu selepas simptom reda.

"Ini bermakna, pesakit tersebut masih boleh menjangkiti kanak-kanak lain walaupun mereka sudah tiada simptom HFMD.

"Selepas mendapat jangkitan penyakit ini, kanak-kanak akan mendapat imuniti daripada penghasilan antibodi oleh sistem imuniti badan. Bagaimanapun, orang dewasa masih

apatah lagi jika tiada yang memantau kebersihan mereka. Tangan pun selalu dalam mulut selain pakai lampin," jelasnya.

Menurutnya, individu dijangkiti HFMD mempunyai gejala ringan seperti demam, sakit tekak, rasa tidak sihat dan letih. Selain itu, terjadi ruam yang menyakitkan pada lidah, gusi dan di bahagian dalam mulut; ruam melepuh yang tidak gatal di bahagian tangan, kaki dan punggung serta hilang selera makan.

Jelas Iskandar Mirza, lazimnya masa infeksi dari permulaan jangkitan sehingga kanak-kanak mendapat simptom atau period inkubasi adalah

dari tiga hingga enam hari.

"Demam merupakan simptom awal penyakit HFMD dan diikuti dengan sakit tekak dan rasa tidak sihat bersama pengurangan selera makan.

"Selepas dua atau tiga hari mendapat demam, ruam menyakitkan akan mula timbul di bahagian depan mulut dan di bahagian tekak. Ruam melepuh di bahagian tangan, kaki dan ada masa di bahagian punggung kanak-kanak pula akan mula terjadi selepas satu atau dua hari," katanya.

Kebiasaannya, jangkitan ini tersebar melalui kemasukan virus tersebut ke dalam mulut dan ia tersebar kepada

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : K2

**INFO
HFMD**

- Penyakit ini biasanya berlaku kepada kanak-kanak yang berumur kurang daripada 10 tahun
- Punca jangkitan ini ada disebabkan oleh virus daripada kumpulan enterovirus yang tergolong dalam keluarga picornavirus
- HFMD mempunyai gejala yang ringan bersama simptom seperti demam, sakit tekak, rasa tidak sihat dan letih selain ruam pada mulut, tangan dan kaki.

boleh mendapat HFMD walaupun pernah kena penyakit ini semasa usia kanak-kanak," jelas Iskandar Mirza.

Tambahnya, beberapa langkah boleh dilakukan bagi mengurangkan risiko dijangkiti HFMD. Antaranya, mencuci tangan dengan kerap terutama selepas menggunakan tandas, menukar lampin bayi, sebelum menyediakan makanan dan sebelum makan.

"Jika tandas tidak mempunyai sabun, gunakan tisu basah atau gel alkohol yang mempunyai kesan antibakteria. Pastikan tempat berisiko jangkitan kuman ini sentiasa dibersihkan dengan kerap menggunakan cecair pembasmi kuman.

"Selalu ajar anak-anak untuk menjaga kebersihan. Kanak-kanak juga perlu diingatkan sentiasa tidak meletakkan tangan, jari atau objek seperti mainan ke dalam mulut," katanya.

Tambahnya lagi, anak-anak dijangkiti HFMD perlu diasingkan daripada kanak-kanak lain kerana kadar keberjangkitan mereka adalah sangat tinggi.

Katanya, bagi memudahkan ibu bapa untuk menjaga anak mereka di rumah, kerajaan Malaysia sudah lama menyediakan kemudahan cuti menjaga anak yang dikuarantin selama lima hari.

"Walaupun penyakit HFMD tidak mempunyai rawatan spesifik, beberapa ubat akan diberikan untuk mengurangkan simptom penyakit ini seperti ubat demam dan ubat tahan sakit.

"Jika rawatan tersebut tidak memberi kesan dan keadaan pesakit semakin lemah, sila bawa anak-anak



CUCI tangan dengan rapi dapat menghindarkan diri daripada jangkitan HFMD.



PARA pengusaha taska atau tadika kini menjalankan langkah-langkah pencegahan HFMD.

anda berjumpa dengan doktor bagi pemeriksaan selanjutnya," katanya.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Malina Osman berkata,

kerajaan boleh mengenakan peraturan larangan sementara untuk anak-anak berusia kurang 12 tahun dari berada di tempat-tempat awam yang menjadi tumpuan ramai bagi mengurangkan kes HFMD.

"Jangkitan HFMD ini boleh berlaku secara mendadak disebabkan pendedahan kanak-kanak dengan persekitaran berbanding tempoh ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Pencemaran daripada bendalir tubuh seperti air liur, hingus, kahak, najis atau tangan individu yang tersentuh bendalir tersebut tetapi tidak dicuci bersih memungkinkan peningkatan kes yang mendadak," katanya.

Sementara itu, Malina menambah, sekiranya kanak-kanak dijangkiti HFMD tidak dirawat dengan baik, mereka berisiko mendapat komplikasi sawan dan sebahagian juga mungkin mendapat radang jantung, radang paru-paru atau komplikasi pada otak dan sistem saraf pusat.

"Jika ibu bapa tidak prihatin terutama bersifat ala kadar semasa membersihkan anak-anak selepas ke tandas atau ketika menukar lampin, besar kemungkinan tularan boleh berlaku.

"Tahap kebersihan kanak-kanak juga bergantung oleh ibu bapa, penjaga dan keluarga masing-masing," terangnya.



KES jangkitan HFMD kini meningkat di Malaysia dan situasi ini membimbangkan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

KKM pertimbang ambil jururawat terlatih dari luar negara

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menimbangkan permintaan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) untuk membenarkan pengambilan jururawat terlatih dari luar negara, kata Timbalan Menteri, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Beliau berkata, ini berikutan, berlakunya kekurangan jururawat terlatih dalam bidang pengkhususan perubatan di Malaysia.

"Ada permintaan daripada APHM untuk memanggil jururawat pakar dari

luar negara, kerana kita kekurangan jururawat terlatih dalam bidang-bidang pengkhususan.

"Suatu ketika dulu KKM membenarkan (pengambilan jururawat terlatih dari luar negara), tetapi kemudian tidak membenarkan.

"Saya akan bawa perkara ini kepada Menteri Kesihatan (Khairy Jamaluddin Abu Bakar), apabila beliau pulang dari Geneva nanti untuk perbincangan supaya kita dapat selesaikan hal ini," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Ibu bapa perlu buat tempahan di MySejahtera bagi anak baru berusia lima tahun pada atau selepas 31 Mei 2022

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Pemberian vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kanak-kanak (PICKids) secara percuma melabuhkan tirainya pada Selasa.

Bermula 1 Jun, kerajaan tidak lagi memberi suntikan pelalian itu secara percuma kepada golongan tersebut sebaliknya, vaksin Covid-19 bagi kanak-kanak berusia lima tahun pada atau selepas 31 Mei 2022 hanya ditawarkan melalui klinik kesihatan (KK) dan klinik swasta yang beroperasi sebagai pusat pemberian vaksin (PPV).

Bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada kanak-kanak yang terpaksa membatalkan janji temu sebelum atau pada 31 Mei 2022 akibat jangkitan Covid-19.

Ibu bapa yang berhasrat untuk memberi vaksinasi kepada anak yang baru mencapai usia lima tahun, dinasihatkan mendaftar dan membuat tempahan janji temu melalui aplikasi MySejahtera.

Selain itu, ibu bapa juga boleh membuat janji temu secara terus di Klinik

PICKids percuma tamat akhirnya



Reaksi Mirza Azzhayri Zaily, 6, (tengah) semasa menerima suntikan dos pertama vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Klinik Perubatan Hijraa, Kuala Nerus, Terengganu pada Selasa.

Kesihatan KKM.

Sejak dilancarkan pada 2 Februari lalu, sebanyak 70,923,930 dos yang merangkumi 27,981,746 dos pertama dan 27,059,981 dos kedua serta 16,096,363 dos penggalak diberikan kepada kanak-kanak.

Labuan merekodkan vaksinasi tertinggi iaitu 22.1 peratus diikuti Sarawak (20.5); Melaka (20.0); Lembah Klang (18); Perak (17.4); Negeri Sembilan (16.8); Johor (16.5); Pahang (15.4); Kedah (13.8); Sabah (13.6); Perlis (11); Pulau Pinang (10.7); Terengganu (9.9)

dan Kelantan (7.2) peratus setakat pada 30 Mei.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali menegaskan kerajaan tidak lagi melanjutkan tarikh pemberian vaksin Covid-19.

Katanya, kerajaan telah memberi tempoh masa yang panjang untuk ibu bapa mendapatkan suntikan vaksin kepada anak-anak mereka.

Sebelum ini, tarikh akhir PICKids ditetapkan pada 15 Mei namun dilanjutkan ke 31 Mei selepas mengambil kira cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri yang lalu.

Covid-19: 1,323 kes baharu, empat kematian direkodkan

SHAH ALAM - Sebanyak 1,323 kes baharu Covid-19 direkodkan pada Isnin menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan wabak tersebut kepada 467,925 kes setakat ini.

Menerusi laporan portal CovidNow pada Selasa, dua daripada kes baharu yang dilaporkan adalah kes import.

Portal itu turut melaporkan, sebanyak empat kematian direkodkan dengan satu daripadanya merupakan kematian di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kematian disebabkan pandemik itu kini sebanyak 35,669 orang daripada 4.4 juta kes positif Covid-19 yang dikesan di negara ini.

Data tersebut turut melaporkan sebanyak 23,779 kes masih aktif atau 95.8 peratus daripadanya merupakan individu dikuarantin di rumah dan 15 pesakit berada di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

Dalam pada itu, seramai 954 pesakit Covid-19 ditempatkan di hospital dengan 32 pesakit dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU).

Setakat ini, sebanyak 1,935 kes sembuh baharu dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan kes sembuh di negara ini sebanyak 4,445,611.



Selangor merekodkan 36 lokaliti kawasan panas, tiga di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta masing-masing satu di Melaka dan Sabah.

1,420 kes denggi, tertinggi sejak tahun 2021

PUTRAJAYA - Sebanyak 1,420 kes demam denggi direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tempoh minggu epidemiologi ke-20 (ME-20) iaitu 15 hingga 21 Mei lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 32.2 peratus berbanding minggu sebelumnya, 1,074 kes.

"Bilangan kes pada (ME 20) adalah tertinggi sejak tahun 2021," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, jumlah keseluruhan kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 16,145 kes berbanding tempoh sama tahun 2021, iaitu 10,597.

"Sebanyak sembilan kematian akibat komplikasi denggi turut dilaporkan berbanding lima kematian bagi tempoh sama pada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, terdapat 41 lokaliti kawasan panas dilaporkan pada minggu ini dan sebahagian besar daripadanya adalah di Selangor.

"Selangor merekodkan 36 lokaliti kawasan panas, tiga di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta masing-masing satu di Melaka dan Sabah," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, setiap lapisan masyarakat perlu bertindak proaktif dengan memastikan persekitaran premis kediaman, tempat kerja dan sebagainya bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes.

"Jawatankuasa penduduk, badan pengurusan bersama, rukun tetangga atau pihak berwajib diminta menggerakkan komuniti untuk segera melakukan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk aedes.

"Selain itu, gunakan kaedah pencegahan seperti repelan serta semburan aerosol di tempat tersembunyi," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Kes HFMD meningkat 27 kali ganda

Kes terbanyak di Selangor
iaitu 18,525 kes setakat
28 Mei 2022

Oleh RAJA NUR FAZIE AIDA
SHAH ALAM

Sejumlah 65,535 kes penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) direkodkan setakat 28 Mei tahun ini iaitu peningkatan 27 kali ganda berbanding tempoh sama pada tahun 2021 yang hanya mencatatkan 2,333 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr

Noor Hisham Abdullah berkata, kes dilaporkan bagi minggu epidemiologi (ME) 21/2022 adalah 18,602 kes berbanding ME 20/2022 iaitu hanya 15,548 kes di seluruh negara, di mana peningkatan sebanyak 19.6 peratus.

"Pada tahun 2022, sehingga 28 Mei, negeri Selangor menyumbang jumlah kes terbesar berbanding negeri-negeri lain iaitu 18,525 kes (28.27 peratus)."

"Ia diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebanyak 8,088 kes (12.34 peratus); Perak 5,810 kes (8.87 peratus); Kelantan 4,905 kes (7.48 peratus) dan Sabah 4,077 kes (6.22 peratus)."

"Sementara negeri-negeri lain sekitar atau kurang daripada 4,000 kes," menurutnya dalam kenyataan pada Selasa.

Dr Noor Hisham menjelaskan, daripada jumlah kes yang dilaporkan itu, sebanyak 59,831 kes melibatkan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah manakala 4,593 kes lagi adalah berumur tujuh tahun hingga 12 tahun.

Beliau menambah, berdasarkan surveilans jenis virus (enterovirus) di Malaysia, tiga virus utama yang menyebabkan penularan penyakit HFMD dalam komuniti pada tahun 2022 adalah Coxsackie A16 (CA16), Coxsackie A6 (CA6) dan Enterovirus 71 (EV71).

"Sehingga kini, terdapat tiga kes HFMD yang dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU). Kes pertama dan kedua disebabkan mengalami komplikasi radang otak (encephalitis) dan disahkan dijangkiti EV71."

- Dr Noor Hisham

Langkah-langkah pencegahan HFMD

penyakit tangan, kaki & mulut



Kes dicatat
dari 1 Jan -
29 Julai 2018
39,408

3 negeri catat
kes tertinggi

Selangor
11,669

Kuala Lumpur
4,552

Sarawak
4,551

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia

Infografik Bernama

EV71.

"Kes ketiga pula dimasukkan ke ICU kerana pemantauan selepas pembedahan perut," katanya.

Dr Noor Hisham berkata lagi, sehingga kini, sebanyak 1,505 wabak dilaporkan di Malaysia di mana tiga negeri tertinggi mencatatkan kejadian wabak ialah WPKL dan Putrajaya iaitu 502 wabak (33.4 peratus) diikuti Selangor 172 wabak (11.4 peratus) dan Perak 168 wabak (11.2 peratus).

Katanya, wabak dikira apabila terdapat dua atau lebih kes dalam satu lokaliti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi penyakit HFMD.

"Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tadika dan pra-sekolah iaitu 913 wabak (61 peratus) diikuti oleh rumah persendirian dengan 526 wabak (35 peratus) dan pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 51 wabak (tiga peratus)," katanya.



Individu dijangkiti cacar monyet akan mengalami lepuh di muka dan badan.

Tiga kes disyaki bukan cacar monyet

PUTRAJAYA - Di saat negara jiran, Thailand mengesahkan kes pertama cacar monyet, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menegaskan tiada kes serupa dilaporkan di negara ini.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, keputusan yang dijalankan makmal untuk terhadap tiga kes disyaki mendapati, dua daripadanya adalah cacar air (chickenpox) manakala bakinya, penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

"Kemas kini mengenai cacar monyet, tiga kes yang disyaki didapati adalah cacar air (dua

kes) dan HFMD," ciapnya di Twitter.

Thailand merekodkan kes pertama cacar monyet pada Selasa, apabila seorang penumpang dalam perjalanan dari Eropah yang transit di lapangan terbang antarabangsa di Bangkok selama kira-kira dua jam ke Australia, dikesan bergejala.

Individu tersebut mempunyai lepuh di muka dan badan serta sejarah hubungan rapat dengan orang yang dijangkiti dalam tempoh 21 hari lalu dan mengembara dari negara di mana terdapat jangkitan penyakit cacar monyet.



KHAIRY

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

HFMD melonjak 27 kali ganda, tiga kes di ICU

Oleh SITI AISYAH SUKAIMI
utusan.news@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Wabak penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) yang menyerang kanak-kanak di negara ini terus melonjak dan sehingga semalam tiga pesakit dimasukkan ke wad unit rawatan rapi (ICU).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes pertama dan kedua dimasukkan ke ICU kerana mengalami komplikasi radang otak (encephalitis) dan disahkan dijangkiti EV71.

"Bagi kes pertama dan kedua, pesakit-pesakit masih di bawah pemantauan rapi di ICU manakala bagi pesakit kes ketiga mangsa dimasukkan ke ICU kerana pemantauan selepas melakukan pembedahan perut.

"Kes ketiga ini telah dipindahkan ke wad pembedahan biasa pada 27 Mei untuk pemantauan lanjut," kata beliau dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, pemantauan enterovirus mendapati tiga virus utama yang menjadi punca jangkitan HFMD dalam komuniti pada tahun ini ialah Coxsackie A16 (CA16), Coxsackie A6 (CA6) dan Enterovirus 71 (EV71).

Menurut beliau, bagi tahun



PENGENDALI tidak perlu mempertingkatkan kebersihan premis sekerap mungkin bagi mengelakkan jangkitan kes HFMD dalam kalangan kanak-kanak.

ini sehingga hari terakhir minggu epidemiologi (ME) 21/2022 (28 Mei), sejumlah 65,535 kes HFMD telah dilaporkan iaitu peningkatan 27 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu (semasa pandemik Covid-19) iaitu 2,333 kes.

"Jika dibandingkan dengan

tempoh sama pada tahun 2019 (sebelum pandemik Covid-19) dengan kes sebanyak 29,846 kes, ia menunjukkan peningkatan 1.2 kali ganda.

"Manakala kes HFMD yang dilaporkan bagi ME 21/2022 adalah 18,602 kes berbanding 15,548 kes pada ME 20/2022 iai-

tu peningkatan sebanyak 19.6 peratus," ujarnya.

Noor Hisham berkata, sehingga 28 Mei, Selangor menyumbang jumlah kes HFMD tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu 18,525 kes (28.27 peratus), diikuti oleh Kuala Lumpur dan Putrajaya 8,088 kes (12.34 peratus), Perak 5,810 kes (8.87 peratus), Kelantan 4,905 kes (7.48 peratus) dan Sabah 4,077 kes (6.22 peratus).

Katanya, sebanyak 59,831 kes HFMD atau 91 peratus dilaporkan dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah dan 4,593 kes atau tujuh peratus adalah kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun.

Sementara itu, ujarnya, terdapat 1,505 kes dilaporkan di Malaysia dengan tiga negeri mencatatkan kejadian wabak tertinggi iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya 502 wabak (33.4 peratus), diikuti Selangor 172 wabak (11.4 peratus) dan Perak 168 wabak (11.2 peratus).

Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di taska, tadika dan pra-sekolah iaitu 913 wabak (61 peratus) diikuti di rumah persendirian dengan 526 wabak (35 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 51 wabak (tiga peratus).

AKHBAR : THE SUN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Three HFMD cases warded: Health DG

KUALA LUMPUR: Out of 65,535 cases of hand, foot and mouth disease (HFMD) reported as of May 28, only three were admitted to intensive care units (ICU).

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the first and second cases were admitted to the ICU due to complications of encephalitis (inflammation of the brain) and were confirmed to be infected with the enterovirus 71, while the third case was admitted for monitoring after abdominal surgery.

"The third case was transferred to a regular ward on May 27 for further monitoring, while the first and second cases are still under close monitoring in the ICU," he said in a statement yesterday.

Noor Hisham added that as of the last day of the 21st epidemiological week (May 28), a total of 65,535 HFMD cases were reported, which was a 27-fold increase from 2,333 recorded in the same period last year.

Selangor has the highest number of cases at 18,525 (28.27%), followed by Kuala Lumpur and Putrajaya with 8,088 (12.34%), Perak with 5,810 (8.87%), Kelantan with 4,905 (7.48%), and Sabah 4,077 (6.22%).

Noor Hisham said a total of 1,505 outbreaks were reported, with three states recording the highest number, namely Kuala Lumpur and Putrajaya (502 outbreaks or 33.4%), followed by Selangor (172 or 11.4%) and Perak (168 or 11.2%).

"The majority of the outbreaks occurred in nurseries, kindergartens and pre-schools (913 outbreaks or 61%) followed by private homes (526 or 35%) as well as childcare centres (51 or 3%)," he said.

Outbreaks appear to be exacerbated during the incubation period of the disease.

Noor Hisham stressed the importance of gatekeeping screenings on children at nurseries, kindergartens and pre-schools, as well as other early childhood education centres to detect symptoms of infectious diseases, including HFMD.

As of May 29, 1,174 nurseries, kindergartens and preschools were closed, of which 228 were voluntarily, while 946 premises were closed under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988. Of the total, 715 premises have been reopened after inspections by the district health office found that disinfection measures and other preventive controls have been carried out. - Bernama



Eleven-year-old Muhammad Kamaruddin is comforted by his mother while being vaccinated at a clinic in Kuala Nerus, Terengganu yesterday. - BERNAMAPIX

Over 3m teens given one vaccine dose

KUALA LUMPUR: A total of 1,171,888 children aged between five and 11 or 33% of the group in the country have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Monday.

Based on the CovidNOW website, a total of 1,720,411 children or 48.4% of the group, have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged between 12 and 17, 2,913,596 or 93.6% have completed the vaccination, while 3,010,184 or 96.7% have received at least one vaccine dose.

A total of 16,096,363 adults or 68.4%

have received the booster dose, while 22,974,497 or 97.6% have completed two doses and 23,251,151 or 98.8% received at least one dose.

A total of 10,803 vaccine doses were dispensed on Monday, with 5,322 as first doses, 3,491 second doses and 1,990 booster doses, bringing the cumulative number of doses administered under the immunisation programme to 70,923,930.

According to the Health Ministry Github portal, four deaths were recorded with two cases in Kedah and one each in Malacca and Negri Sembilan. - Bernama

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

HFMD cases up 27-fold, only three ICU cases so far

KUALA LUMPUR: Out of 65,535 cases of hand, foot and mouth disease (HFMD) reported so far, only three were admitted to the intensive care unit (ICU), says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said the first and second cases were admitted to the ICU due to encephalitis complications and were confirmed to be infected with EV71 while the third case was warded for monitoring after abdominal surgery.

"The third case has been transferred to the regular ward on May 27 for further monitoring, while the first and second cases are still under close monitoring in the ICU," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham said that as at May 28, a total of 65,535 cases of HFMD were reported, which was a 27-fold increase from only 2,333 cases in the same period last year.

Selangor has the highest number of cases at 18,525 (28.27%), followed

by Kuala Lumpur and Putrajaya with 8,088 (12.34%), Perak 5,810 (8.87%), Kelantan 4,905 (7.48%) and Sabah 4,077 (6.22%).

Dr Noor Hisham said 1,505 outbreaks were reported in Malaysia so far with three states recording the highest number, namely Kuala Lumpur and Putrajaya (502 outbreaks or 33.4%), followed by Selangor (172 outbreaks or 11.4%) and Perak (168 outbreaks or 11.2%).

"The majority of the outbreaks

occurred in nurseries, kindergartens and preschools (913 outbreaks or 61%), followed by private homes (526 outbreaks or 35%) and childcare centres (51 outbreaks or 3%," he said.

He stressed the importance of gatekeeping screening on children at nurseries, kindergartens and preschools, as well as other early childhood education centres to detect symptoms of infectious diseases, including HFMD.

He added that as at May 29, a total of 1,174 nurseries, kindergartens and preschools were closed, 228 of which did so voluntarily while 946 premises were closed under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act.

Of the total, 715 premises or 61% have been reopened after inspections by the district Health Office found that disinfection measures and other preventive controls had been implemented. — Bernama

Few takers on last day of PICKids

It's a quiet affair at most vaccination centres as curtains come down



Last shot: A nurse attending to children before their turn for vaccination at KPJ Tawakkal in Kuala Lumpur. — IZZRAFIQ ALIAS/The Star

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

PETALING JAYA: There was little fuss as the curtains came down on the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids).

At most vaccination centres, it was a quiet affair with few people showing up for the first dose for children aged five to 11.

At a vaccination centre in Kuala Lumpur, only two to three families were seen with children waiting to be vaccinated.

Aleana Syafiqah, a team leader at

the centre, said the number of children coming to the centre had dwindled as the May 31 deadline approached.

"There was a slight uptick after the extension of the deadline from May 15 but it was not as high compared with the early days.

"Since May 15, we only received between 50 and 100 children daily," she said.

Mohd Fitri Ab Wahab, 38, who was at the centre, said he had waited till the eleventh hour to send his 10-year-old daughter for vaccination.

"We did not take a wait-and-see approach. We opted to come late to avoid the big crowds in the early stages," he said, adding that he is also cautious because he has a toddler at home.

A housewife who wanted to be known as Nadia, 30, whose daughter was there for her second dose, said the extension also saw many of her friends rushing to register their children.

"At first, they were hesitant but when the programme was ending, many registered their children," she said, adding that her daughter was



All in the family: (From left) Siblings Muhd Akif Al Jannah, eight, Muhd Akid, 10, Nur Ayesha, six, and Muhd Akma, nine, posing for a photograph after receiving their Covid-19 vaccination at PPV International Youth Centre in Kuala Lumpur. — YAP CHEE HONG/The Star

enrolled when the programme was launched in February.

Many other children's vaccination centres in the Klang Valley only provided the service on selected days in the week, with most doing so on weekends and at selected hours.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali said recently that children who turn five on or after May 31, 2022 and those who were infected or whose parents had contracted Covid-19 recently could still be vaccinated for free until Jan 31, 2023.

However, those aged between five and 11 who have yet to receive their first dose will now have to pay for it at private healthcare facilities.

Those who have received their first dose can get the second dose for free.

An estimated 548,523 children will complete their second dose by Aug 30.

PICKids was initially set to end on May 15 but was extended to yesterday because of the Hari Raya and Labour Day holidays, which saw the closure of vaccination centres.